

02/03/2001

Malaysia sedia kongsi kepakaran bangunkan sosioekonomi

PUTRAJAYA, Khamis - Malaysia bersedia membantu Colombia dalam program pembangunan ekonominya, termasuk berkongsi kepakaran dalam bidang pertanian, pembangunan tanah, perlombongan dan keselamatan.

Persetujuan itu dicapai pada mesyuarat delegasi Malaysia-Colombia selama hampir dua jam yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri petang ini sempena lawatan rasmi Presiden Colombia, Andres Pastrana Arango, ke sini bermula hari ini.

Delegasi Colombia seramai tujuh anggota ke mesyuarat itu diketuai oleh Pestrana manakala delegasi Malaysia seramai 11 anggota diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada akhir mesyuarat itu yang disifatkan sebagai berjaya, mesra dan terbuka, Malaysia dan Colombia juga memeterai Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Pendidikan, Teknikal dan Kebudayaan.

Malaysia diwakili Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, manakala Colombia diwakili Menteri Luarnya, Guillermo Fernandez de Soto.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Syed Hamid berkata Colombia meminta Malaysia memberikan kepakaran serta sokongan teknikal dalam sektor penanaman kelapa sawit bagi menyusun semula sektor pertanian negara itu.

Beliau berkata, Colombia amat berharap komoditi itu dapat menggantikan penanaman coca yang menjadi tanaman utama di negara itu, sekali gus mengatasi masalah berkaitan tanaman yang menjadi bahan bagi pengeluaran dadah.

Katanya, Colombia turut berminat mempelajari program pembangunan rancangan tanah seperti Felda untuk dilaksanakan di negara itu bagi membantu golongan petani.

"Pastrana sendiri akan dibawa melawat satu rancangan Felda di Johor untuk melihat sendiri bagaimana program itu dilaksanakan serta kejayaannya," katanya sambil menambah Perdana Menteri juga menjemput wakil badan pertanian negara itu untuk melawat Malaysia bagi tujuan sama.

Pada perbincangan ketika menerima kunjungan hormat Dr Mahathir di bilik penginapannya di Hotel Shangri-La tengah hari ini, Pastrana turut menyampaikan harapan sama dan Perdana Menteri menyatakan kesediaan Malaysia.

Syed Hamid berkata, selain itu Colombia yang menghadapi masalah keselamatan dalam negeri juga ingin berkongsi pengalaman Malaysia dalam memerangi penentangan komunis.

Katanya, Colombia yang yakin dengan pengalaman serta kepakaran Malaysia sektor gas dan petroleum juga meminta supaya diadakan kerjasama serta pelaburan dalam bidang itu.

"Mereka juga bertanya mengenai pelaburan kita dalam pendidikan dan Perdana Menteri menyatakan Malaysia memberi penekanan kepada pendidikan yang sentiasa diberi peruntukan hingga 30 peratus dalam belanjawan negara," katanya.

Colombia turut meminta sokongan Malaysia untuk negara itu mengangotai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) serta komitmen negara dalam Forum Asia Timur dan Amerika Latin.

(END)